

18/05/2001

Indonesia mahu belajar Wawasan 2020

KUALA LUMPUR, Khamis - Indonesia mahu belajar mengenai Wawasan 2020 dari Kuala Lumpur, kata anggota Majlis Permusyawaratan Rakyat (MPR), Prof Dr Muhammadi S.

Muhammadi berkata, kajian mengenai wawasan itu dibuat kerana beliau sedang menyiapkan ketetapan dari MPR yang akan bersidang pada Ogos ini. Pada sidang itu, dijangkakan Wawasan 2020 akan dibincangkan.

"Kita mendalami Vision Pak Mahathir dan juga masalah yang sangat mendasar mengenai kenegaraan," katanya ketika ditemui pemberita selepas bertemu dengan Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail dan Yang Dipertua Dewan Negara Datuk Michael Chen di Parlimen hari ini.

Beliau berkata, kebanyakan konsep yang terdapat dalam wawasan yang digagaskan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 telah ada dalam visi pemimpin dan rakyat Indonesia.

"Saya mempunyai pendapat bahawasanya kita sudah juga mempunyai rumusan-rumusan semacam itu dan kita menambah wawasan dalam apa yang dapat kita peroleh," katanya.

Katanya, yang menjadi masalah bagi negara besar seperti Indonesia ialah untuk melaksanakan Wawasan 2020 itu.

Dalam pertemuan dengan dua tokoh Parlimen tempatan itu, Muhammadi serta 10 anggota MPR banyak membincangkan Wawasan 2020 serta isu-isu politik yang menyelubungi Indonesia pada masa ini.

Pertemuan itu berlangsung hampir tiga jam. - Bernama

(END)